

Amaran MS 10 •

tsunami

Lautan Hindi ditarik balik

KUALA LUMPUR: Amaran tsunami yang dikeluarkan di negara sekitar Lautan Hindi berikutan gempa bumi kuat melanda Sumatera, dekat Aceh petang semalam, ditarik balik selepas beberapa jam kejadian berkenaan menimbulkan kebingungan penduduk.

Pusat Amaran Tsunami Pasifik di Hawaii dilaporkan menarik balik pemantauan tsunami bagi kebanyakan kawasan di Lautan Hindi beberapa jam selepas gempa bumi pertama yang berukuran 8.7 pada skala Richter.

Di **KUALA LUMPUR**, Jabatan Meteorologi dalam kenyataannya pula menjelaskan nasihat tsunami yang dikeluarkan pada jam 6.55 petang bagi Perlis, Kedah termasuk Langkawi, Pulau Pinang dan Perak, juga ditarik balik pada jam 10 malam tadi.

Terdahulu, jabatan itu turut mengeluarkan nasihat kepada penduduk di negeri berkenaan supaya menjauhi kawasan pantai berikutan gempa bumi terbahit berpotensi mengakibatkan berlakunya tsunami.

Di **JAKARTA**, Badan Kaji Cuaca Indonesia menarik balik amaran tsunami pada 7.45 malam tadi (waktu Indonesia) selepas mendapat pengesahan bahawa kejadian gempa bumi berkenaan tidak menimbulkan tsunami.

Pihak berkuasa Indonesia mengeluarkan amaran awal tsunami kepada penduduk kawasan pantai di Aceh, Sumatera Utara, Sumatera Barat, Lampung dan Bengkulu, berikutan gempa bumi kuat itu.

Bagaimanapun, gempa bumi terbabit dilaporkan hanya mengakibatkan tsunami setinggi 80 sentimeter (sm) di Meulaboh, daerah Aceh Barat, dan 60sm di wilayah Sabang.

Di **BANGKOK**, Pusat Amaran Bencana Kebangsaan negara itu turut menarik balik amaran tsunami yang dikeluarkan mereka, malam tadi, berikutan tiada ancaman berlakunya tsunami dikesan ekorannya gempa bumi berkenaan.

Perdana Menteri Thailand, Yingluck Shinawatra, dilaporkan berkata, walaupun amaran berkenaan ditarik balik, negaranya masih lagi dalam keadaan berjaga-jaga kerana kemungkinan akan berlaku gegaran susulan.

Di **COLOMBO**, Pusat Pengurusan Bencana Sri Lanka turut menarik balik amaran tsunami dan meminta penduduk yang sebelum ini berada di pusat perlindungan supaya pulang ke rumah masing-masing berikutan keadaan dilaporkan selamat.